



**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL  
*MALAYSIA'S RESEARCH STAR AWARD  
(FRGS-MRSA)***

Pindaan tahun 2017

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA.  
No. Tel: 03-8870 6974/6975  
No. Faks: 03-8870 6867

## SENARAI KANDUNGAN

<b>VISI DAN MISI</b>	<b>4</b>
<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>5</b>
<b>BAHAGIAN 1 PENAWARAN</b>	<b>5</b>
Kluster Penyelidikan	5
Syarat Penawaran	6
Peraturan Permohonan	6
Kriteria Penilaian	6
Tempoh Penyelidikan	6
Siling Peruntukan	7
Peraturan Kewangan	7
Hasil Penyelidikan	9
<b>BAHAGIAN 2 PENILAIAN</b>	<b>10</b>
Penilaian FRGS – <i>Malaysia's Research Star Award</i>	10
<b>BAHAGIAN 3 PEMANTAUAN</b>	<b>10</b>
Implementasi Projek	10
Pengawalan Projek	10
Penalti	11
<b>BAHAGIAN 4 KEPUTUSAN</b>	<b>12</b>
Pemberitahuan Keputusan Dan Pengagihan Peruntukan	12
<b>BAHAGIAN 5 LAIN-LAIN</b>	<b>12</b>
Lain-lain Hal	12

<b>BAHAGIAN 6 PERANAN</b>	<b>12</b>
Peranan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)	12
Peranan Penyelidik	13
Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	13
Peranan Jawatankuasa Penilaian	13

## **VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL**

### **Visi**

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

### **Misi**

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan modal insan, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

## LATAR BELAKANG

Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) – *Malaysia's Research Star Award* merupakan satu insentif berbentuk geran penyelidikan yang diberikan kepada penerima *Malaysia's Research Star Award* (yang dulu dikenali sebagai *Malaysia's Rising Star Award*). Geran ini merupakan inisiatif Jabatan Pendidikan Tinggi sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada penyelidik tempatan susulan daripada kejayaan penghasilan penyelidikan dan penulisan ilmiah berkualiti seterusnya berjaya diterbitkan serta diindeks ke dalam pangkalan data antarabangsa terkemuka.

Penerima anugerah *Malaysia's Research Star Award* dipilih berdasarkan penghasilan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi (top 1%) dunia, diekstrak daripada Essential Science Indicators (ESI) bagi tempoh 2005 hingga 2014 oleh agensi pengindeksan antarabangsa Thomson Reuters yang berpengkalan di New York, Amerika Syarikat. Penerima yang terpilih adalah penulis utama (*corresponding author*) artikel yang paling kerap digunakan sebagai rujukan (*highly cited*) oleh penyelidik-penyelidik di seluruh dunia merangkumi 21 bidang penyelidikan.

Geran ini merupakan usaha Jabatan untuk terus melonjak penyelidik tempatan dalam penghasilan penerbitan yang berkualiti seterusnya membangunkan keterlihatan global dengan lebih luas dan kepercayaan terhadap jenama pendidikan tinggi Malaysia.

## BAHAGIAN 1 PENAWARAN

### 1.1. KLUSTER PENYELIDIKAN

Bidang penyelidikan meliputi bidang-bidang asas seperti berikut:-

- 1.1.1. Sains Tulen
- 1.1.2. Sains Gunaan
- 1.1.3. Sains Kesihatan dan Klinikal
- 1.1.4. Teknologi dan Kejuruteraan
- 1.1.5. Sains Sosial
- 1.1.6. Sastera dan Sastera Ikhtisas
- 1.1.7. Warisan Alam dan Budaya
- 1.1.8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

## **1.2. SYARAT PENAWARAN**

Geran ini **ditawarkan kepada penerima anugerah *Malaysia's Research Star Award***. Geran ini juga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 1.2.1. Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan.

## **1.3. PERATURAN PERMOHONAN**

- 1.3.1. Permohonan untuk FRGS – *Malaysia's Research Star Award* perlu mengemukakan Borang Permohonan melalui sistem MyGRANTS.
- 1.3.2. Permohonan untuk Geran ini perlu menepati Kluster Penyelidikan dan Syarat Permohonan di atas.
- 1.3.3. Semua permohonan hendaklah **diperakukan** oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Permohonan perlu disokong oleh pihak RMC sebelum dihantar ke JPT.
- 1.3.4. Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh sumber geran lain, penyelidik mestilah mengisyiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

## **1.4. KRITERIA PENILAIAN**

- 1.4.1. Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- 1.4.2. Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 1.4.3. Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 1.4.4. Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

## **1.5. TEMPOH PENYELIDIKAN**

Tempoh penyelidikan adalah **selama dua (2) tahun sahaja**.

## **1.6. SILING PERUNTUKAN**

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

## **1.7. PERATURAN KEWANGAN**

### **1.7.1. Vot 11000 - Upah dan Elaun untuk pelantikan Pasca-Doktoral (*Post-Doctoral appointment*)**

1.7.1.1. Upah dan elaun untuk membiayai **pelantikan Pasca-Doktoral (Post-Doc) tempatan sahaja**. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM5,000.00 sebulan bagi tempoh 2 tahun sahaja.

1.7.1.2. **Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) PhD sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300** untuk pelajar Ph.D atau mengikut garis panduan IPT.

### **1.7.2. Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan**

1.7.2.1. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.7.2.2. Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:

- i. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Projek sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. **Pasca-Doktoral dan GRA PhD hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.**
- ii. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- iii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

iv. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.

1.7.2.3. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.7.2.4. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek.

#### **1.7.3. *Vot 24000 - Sewaan***

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

#### **1.7.4. *Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan***

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

#### **1.7.5. *Vot 28000 - Baik pulih kecil dan ubahsuai***

1.7.5.1. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

1.7.5.2. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

#### **1.7.6. *Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas***

1.7.6.1. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

1.7.6.2. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 5% dari peruntukan Geran.

## **1.8. HASIL PENYELIDIKAN**

### **1.8.1. Modal Insan**

**Seorang Pasca-Doktoral atau seorang Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant*) PhD mod penyelidikan sepenuh masa.**

### **1.8.2. Penerbitan**

Menghasilkan **sekurang-kurangnya lima (5) penerbitan (*original article*) dalam jurnal berindeks ISI yang tersenarai dalam Q1**. Penghargaan kepada geran FRGS-MRSA mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

### **1.8.3. Harta Intelek**

Bagi projek yang dibiayai oleh geran ini, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelek hasil geran ini menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT.

Pengurusan Harta Intelek adalah menjadi tanggungjawab IPT.

### **1.8.4. Hasil Pengkomersilan**

Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran ini dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

Hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

## **BAHAGIAN 2 PENILAIAN**

### **2.1. PENILAIAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) – MALAYSIA'S RESEARCH STAR AWARD**

- 2.1.1. Penawaran FRGS – *Malaysia's Research Star Award* akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa.
- 2.1.2. Penilaian oleh Jawatankuasa yang dilantik adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pendidikan Tinggi.

## **BAHAGIAN 3 PEMANTAUAN**

### **3.1. IMPLEMENTASI PROJEK**

- 3.1.1. Semua projek yang diluluskan di bawah FRGS – *Malaysia's Research Star Award* perlu dipantau dari aspek:
- 3.1.1.1. Prestasi projek;
  - 3.1.1.2. Prestasi kewangan; dan
  - 3.1.1.3. Output yang dihasilkan.

### **3.2. PENGAWALAN PROJEK**

Setiap IPT perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia JPT laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan menggunakan format laporan pemantauan FRGS yang terdiri daripada:-

#### **3.2.1. Modul Pemantauan Sistem MyGRANTS**

- 3.2.1.1. Laporan Prestasi projek penyelidikan;
- 3.2.1.2. untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
- 3.2.1.3. perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.

#### **3.2.2. Borang FRGS - P2(RMC)**

- 3.2.2.1. Laporan Keseluruhan FRGS – *Malaysia's Research Star Award* bagi setiap IPT;
- 3.2.2.2. dihantar kepada Urus Setia JPT setiap tahun;
- 3.2.2.3. diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak satu (1) salinan; dan
- 3.2.2.4. perlu disertakan bersama-sama Borang FRGS-P1(R), FRGS-K1(RMC) dan Laporan Pencapaian.

#### **3.2.3. Borang FRGS - K1(RMC)**

- 3.2.3.1. Laporan Kewangan bagi FRGS – *Malaysia's Research Star Award* bagi setiap IPT;
- 3.2.3.2. diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- 3.2.3.3. disertakan bersama-sama dengan Borang FRGS-P2(RMC).

#### **3.2.4. Laporan Pencapaian**

- 3.2.4.1. Laporan Keseluruhan Pencapaian Projek-Projek FRGS – *Malaysia's Research Star Award* bagi setiap IPT; dan
- 3.2.4.2. diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.

- 3.2.4.3. Laporan akhir penyelidikan perlu dikemaskini dalam sistem MyGRANTS dan dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format JPT yang merangkumi:
- i. Ringkasan penyelidikan dan penemuan
  - ii. Laporan Kewangan
  - iii. Laporan Aset
  - iv. Hasil (disertakan bahan bukti)
  - v. Modal insan (nama individu dan peringkat pengajian)
  - vi. Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
  - vii. Harta intelek
  - viii. Penyediaan video impak penyelidikan berdurasi 3 minit.
- 3.2.5. Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*, bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.
- 3.2.6. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pusat pengurusan penyelidikan setiap IPT.

### **3.3. PENALTI**

- 3.3.1. Setiap IPT perlu memastikan semua projek/program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan milestone.
- 3.3.2. Prestasi Projek perlu mencapai modal insan dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 3.3.3. Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.
- 3.3.4. Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu.

## **BAHAGIAN 4 KEPUTUSAN**

### **4.1. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 4.1.1. Surat kelulusan projek penyelidikan akan disampaikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) IPT.
- 4.1.2. Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada IPT setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Penilaian.

## **BAHAGIAN 5 LAIN-LAIN**

### **5.1. LAIN - LAIN HAL**

#### **5.1.1. Ketua Projek tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan**

Geran ini diluluskan dan diperakukan untuk penerima anugerah *Malaysia's Research Star Award*. Jika berlaku seperti perenggan 5.1.1, geran, harta intelek dan lain-lain hasil daripada projek penyelidikan yang berkaitan masih di bawah penerima yang diperakukan. Sehubungan itu, pemindahan peruntukan (serta lain-lain perkara yang berkaitan) kepada IPT baharu penerima geran ini perlu dilakukan oleh IPT asal yang diperakukan.

## **BAHAGIAN 6 PERANAN**

### **6.1. PERANAN JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)**

- 6.1.1. Memaklumkan pelawaan permohonan FRGS – *Malaysia's Research Star Award* kepada IPT.
- 6.1.2. Menerima dan memproses permohonan yang dihantar oleh RMC dan dibawa ke sesi penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian.
- 6.1.3. Memaklumkan keputusan penilaian kepada IPT.
- 6.1.4. Menerima laporan kemajuan dan laporan akhir penyelidikan.

### **6.2. PERANAN PENYELIDIK**

- 6.2.1. Penyelidik perlu memohon serta memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang telah dikehendaki.
- 6.2.2. Penyelidik juga perlu mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap tahun dan menghantar laporan akhir kepada RMC.

### **6.3. PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

- 6.3.1. Menerima, menilai dan memperakui permohonan daripada penyelidik.
- 6.3.2. Menghantar permohonan yang diperakukan kepada JPT.
- 6.3.3. Memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap tahun serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik.
- 6.3.4. Pihak RMC perlu menyerahkan laporan kemajuan kepada JPT.
- 6.3.5. Pihak RMC perlu menghantar laporan akhir kepada JPT.

### **6.4. PERANAN JAWATANKUASA PENILAIAN**

- 6.4.1. Meneliti dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam masa yang ditetapkan.
- 6.4.2. Memaklumkan sebab-sebab kegagalan permohonan secara terperinci.
- 6.4.3. Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

**Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:**

**UNIT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62000 PUTRAJAYA.  
NO. TEL: 03-8870 6974/6975  
NO. FAKS: 03-8870 6867**